

19 JUN 2003

Mahathir-PAS

SALAHTAFSIR AGAMA OLEH PAS SEMAKIN TERUK, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata salahtafsiran ajaran Islam oleh PAS menyebabkan orang Islam di negara ini keliru dan berpecah-belah ketika umat Islam sepatutnya bersatu untuk menyelamatkan diri.

Perdana Menteri berkata hakikatnya ialah dalam usaha meraih sokongan, PAS semakin lama semakin jauh dan semakin buruk menyalahafsirkan agama.

"Daripada menuduh orang Umno tidak Islam, mereka sudah sampai ke tahap mendakwa Tuhan suka mencarut seperti seorang pemimpin parti mereka dan Tuhan adalah samseng," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar terakhir selaku Presiden Umno pada perasmian Perhimpunan Agung Umno Ke-54 di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata jalan terbaik untuk mengatasi masalah ini ialah membekalkan rakyat khususnya generasi muda dengan ajaran Islam sebenar supaya mereka dapat menangkis sendiri ajaran yang salah.

Bagaimanapun, beliau kesal ajaran salah ini disemai semasa generasi pelapis masih di bangku tadika dan di Sekolah Agama Rakyat (SAR), dan kadang-kadang oleh guru agama di sekolah kebangsaan.

"Kita sudah lihat apabila generasi ini membesar, mereka akan percaya secara buta tuli tafsiran agama yang salah ini. Mereka tidak tahu berterima kasih dan bersyukur, suka lempar fitnah dan percaya fitnah yang dilempar oleh orang tertentu dan mereka bermusuhan ketat dengan orang Islam lain," katanya.

Dr Mahathir berkata bahkan mereka sudah sampai ke tahap cuba menjatuhkan kerajaan pilihan rakyat dengan menggunakan senjata dan menjadi pengganas, perompak dan pembunuh.

Ini menyebabkan kerajaan terpaksa bertindak memberhentikan penyebaran salah melalui sekolah dan saluran lain, katanya.

Beliau berkata kerajaan sebelum ini memberikan bantuan kepada SAR kerana sekolah seumpama itu diminati oleh ibu bapa yang ingin melihat anak mereka mendapat pelajaran agama.

Tetapi, katanya, oleh kerana bukan ajaran agama Islam sebenar yang disampaikan di SAR, kerajaan tidak lagi dapat membantu sekolah-sekolah ini.

"Kerajaan dan pemimpin kerajaan yang beragama Islam akan berdosa jika bantuan diberi kepada sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kita tidak tutup sekolah ini. Kita hanya tidak bantu.

"Mereka yang terus membantunya akan tanggung dosa kerana sekolah ini bukan sekolah agama tetapi adalah pusat indoktrinasi parti PAS," katanya.

Dalam pada itu, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengawal segala penyelewengan dalam pengajaran ajaran Islam dan akan menyediakan kemudahan untuk belajar agama Islam yang sebenar di sekolah-sekolah kebangsaan.

Ini, katanya, bagi menentukan generasi akan datang dapat menolak bukan sahaja ajaran salah berkenaan agama tetapi dapat mengenal antara yang baik dan yang buruk atau yang salah dan yang betul.

-- BERNAMA

MAM JH ROS